

KHAMIS

Utusan Sarawak

8 OKTOBER 2020

20 SAFAR 1442H

NIAGA

SEDC, Regal meterai MoU untuk projek pembangunan pelabuhan hab

NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) telah menerai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Regal Lands Sdn Bhd (Regal) untuk projek pembangunan pelabuhan hab bio dan ekosistemnya di Sarawak.

Perkara ini telah diumumkan oleh Pengurusi SEDC Sarawak, Tan Sri Datuk Amar (Dr) Abdul Aziz Husain dalam siaran media yang dikeluarkan kepada media tempatan selepas majlis menandatangani MoU yang diadakan di Dewan Kenyalang Menara SEDC di Kuching Isthmus, semalam.

Dalam majlis menandatangani perjanjian ini, SEDC Sarawak telah diwakili oleh Pengurus Besarinya, Abdul Hadi Datuk Abdul Kadir bersama dengan pemangku Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Rashidah Maideen sementara pihak Regal telah diwakili oleh Pengarah Eksekutif mereka, Nicholas Wong Pak Kiong dan Annabelle Sim iaitu Penasihat Undang-Undang Kumpulan Regal International Group.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri Abdul Aziz menglu-alukan kerjasama antara

SEDC dan Regal yang akan membolehkan kedua-dua pihak untuk meneroka dan membentuk perkongsian yang bermanfaat demi kepentingan bersama terutama dalam pembangunan industri biomas di Sarawak.

"Dunia korporat hari ini masih terkesan akibat pandemik Covid19 yang melanda namun di sebalik cabaran ini, kita masih perlu untuk berinovatif dan terus bersikap positif dalam menjalankan perniagaan kita," katanya mengenai usaha berterusan bagi pihak SEDC untuk mencapai tujuan dan objektif perniagaan mereka.

Beliau turut menyatakan peluang bekerjasama dengan Regal akan memantapkan lagi peranan SEDC dalam Strategi Biomass Nasional 2020 (NBS) yang berpotensi untuk menarik perhatian para pelabur asing yang baik untuk negara dan pada masa yang sama memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempat dimasa hadapan.

Jalinan persefahaman dengan pihak lain juga mencerminkan strategi korporat SEDC dalam mendapatkan rakan kongsi yang baik serta dapat menjadi aset penting bagi mana-mana perniagaan kerana mereka dapat membantu menjaga



PERTUKARAN DOKUMEN... Tan Sri Datuk Amar (Dr) Abdul Aziz Husain (empat, kiri) bersama Dato Dominic Su (tiga, kanan) menyaksikan pertukaran dokumen antara Abdul Hadi Datuk Abdul Kadir (tiga, kiri) dan Nicholas Wong Pak Khiong (dua, kanan) dari Regal Lands Sdn Bhd.

ga perniagaan untuk terus maju dan berada di lansasan yang lebih mantap.

"Kami turut berharap untuk bekerjasama dengan pihak lain sebagai satu cara untuk meningkatkan lagi pencapaian perniagaan kami agar ianya terus bergerak dengan lebih maju dengan memanfaatkan kepakaran dan pengalaman rakan kongsi strategik kami," katanya.

Sementara itu, pengasas dan ketua eksekutif Regal International Group, Dato Dominic Su dalam ucapan-

nya telah menyebut mengenai kerjasama antara kedua-dua pihak yang akan merangkumi pembangunan pelabuhan BioHub dan ekosistemnya yang dijangka menjadi yang pertama di negara ini.

Menurutnya, Regal mempunyai konsortium terdiri daripada rakan kongsi yang termasuk Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Bintulu Port Holdings Berhad dan Port of Rotterdam di Belanda yang juga diharapkan dapat terlibat dalam pengembangan cadangan

bioport dan kawasan perindustrian bersepada.

Beliau menambah, komponen projek yang akan datang juga akan merangkumi pengembangan Pusat Pengumpulan Satelit, Pra-rawatan dan Prosesan berteknologi tinggi yang bersebelahan dengan pelabuhan bio khusus yang akan membolehkan rantai nilai yang berfungsi untuk meletakkan Sarawak sebagai destinasi yang baik bagi pelabur yang mencari industri kimia bernilai tinggi dengan pilihan pada

bahan baku berganda - bahan baku minyak dan gas konvensional, mungkin untuk laluan pengeluaran berdasarkan bio.

Pihak Regal juga mengucapkan terima kasih kepada SEDC di atas peluang untuk bekerjasama dalam cadangan projek ini yang bakal menyediakan platform baik untuk membentuk perkongsian dan kolaborasi antara pihak berkepentingan tempatan kerana industri biomas dapat menjadikan industri semasa lebih hijau dan efektif.